

## Pemilihan Variasi Iban dalam Interaksi: Kajian Kes di Bahagian Barat Sarawak

REMMY ANAK GEDAT

Universiti Kebangsaan Malaysia, 36000 Bangi, Selangor

carefreegurlz71@yahoo.com

**Abstrak** Bahasa Iban merupakan *lingua franca* utama di Sarawak. Berdasarkan kajian di bahagian Barat Sarawak, terdapat empat variasi Iban, iaitu variasi Samarahan, Sibu, Betong dan Iban Standard. Makalah ini bertujuan meninjau corak-corak pemilihan variasi Iban oleh penutur-penutur Iban, khususnya dari latar belakang variasi berbeza. Terdapat sejumlah enam dialog dipilih untuk analisis. Hasil analisis mendapati terdapat tiga corak pemilihan variasi Iban yang wujud, iaitu, Corak 1: Penggunaan variasi Iban Standard; Corak 2: Menggunakan variasi masing-masing; dan, Corak 3: Penyesuaian terhadap variasi lawan bicara. Ketiga-tiga corak interaksi ini amat berkait rapat dengan *domain-domain* seperti tempat, darjah keakraban, tahap kompetensi, dan topik perbualan.

**Kata Kunci:** Iban, bahasa, pemilihan variasi, corak, domain

**Abstract** *The Iban language is the lingua franca of Sarawak. In western Sarawak, this language consists of four varieties—the Samarahan, Sibu, Betong and Standard versions of Iban. This paper attempts to explore patterns of language choice among Iban speakers from a variety of backgrounds. Six dialogues have been selected for analysis. The outcome of the analyses revealed that three patterns of language choices exist within this speech community, namely, Pattern 1: The use of Standard Iban for communications; Pattern 2: The use of the speaker's own language variety; and Pattern 3: Accommodation to match the interlocutor's speech. It was noted that all of these language choice patterns are closely related to domains such as location, intimacy, competency and topics.*

**Keywords:** *Iban, language, language choices, patterns, domains*

## PENGENALAN

Suku Iban merupakan suku terbesar di negeri Sarawak. Menurut perangkaan tahun 2000, populasi Iban adalah seramai 600,000 orang (Lam, 2006). Bahasa Iban merupakan salah satu variasi *Ibanik* (di bawah cabang *Melayik*).<sup>1</sup> Ciri-ciri utama bahasa Ibanik yang membezakannya dengan bahasa Melayik lain ialah menunjukkan ciri inovasi diagnostik /\*-an/, /\*-an/ dan /-ar/ > /-ay/. Sehubungan dengan itu, Hudson (1970) menyebut bahawa, “members of an Ibanic sub-group, comprising such isolects as *Sebuyau, Mualang, Kantu’, Seberuang, and the various related Iban dialects of Sarawak and Brunei, may be easily identified on the basis of the presence in word-final position in certain lexical forms of /-ai/ where cognates in other Malayic dialects exhibit /-an/, /-ang/, or, less frequently, /-ar.*” Jadual 1 merupakan contoh-contoh inovasi dalam bahasa Ibanik dan perbezaannya dengan bahasa Melayik lain (misalnya, dialek Melayu).

**Jadual 1:** Contoh kata-kata *Ibanik* dan *Melayik*

Erti	Ibanik	Melayik
Berjalan	βəjαλαψ	βəφαλαν
Jalan	φαλαψ	φαλαν
Makan	μακαψ	μακαν
Datang	δαταψ	δαταN
Terbang	τəβαψ	τερβαN
Panjang	πα/φαψ	πα/φαN
Besar	βəσαψ	βəσαρ

Berdasarkan kajian terkini (Remmy, 2011), terdapat empat variasi Iban yang dituturkan oleh suku Iban di bahagian Sarawak, iaitu variasi Samarahan, Betong, Sibu dan Iban Standard.<sup>2</sup> Persebaran dan titik penggunaan variasi Iban tersebut adalah seperti Peta 1.



**Peta 1:** Kawasan Pertuturan Variasi Iban Samarahan, Betong dan Sibul.

## TUJUAN KAJIAN

Terdapat kehadiran empat variasi Iban di Barat Sarawak; situasi kebahasaan adalah kompleks dan berdiversiti. Kajian ini bertujuan meninjau corak pemilihan sesuatu variasi Iban untuk berinteraksi oleh penutur Iban yang berbeza variasi dan faktor pendorong pemilihan sesuatu variasi Iban dalam komunikasi. Contohnya, variasi Iban manakah yang dipilih oleh seseorang Iban dari Betong apabila berbicara dengan penutur Iban dari Samarahan dan sebagainya. Apakah faktor-faktor yang menentukan sesuatu variasi itu dipilih oleh penutur tersebut?

## KERANGKA TEORI KAJIAN

Kajian dalam makalah ini dibahaskan dengan berpandukan dua kerangka teori, iaitu Teori Pemilihan Bahasa dan Akomodasi Pertuturan.

### **Teori Pemilihan Bahasa**

Dalam meneliti pemilihan bahasa oleh seseorang individu dalam interaksi, Fishman dan Greenfield (1970) memperkenalkan konsep *domain*. Dalam kajian Greenfield tentang pemilihan bahasa di Puerto Rico, New York, lima domain telah dikemukakan, iaitu domain keluarga, persahabatan, agama,

pendidikan dan pekerjaan. Domain-domain tersebut dibentuk berdasarkan peserta, tempat dan topik perbualan. Jadual 2 merupakan model domain yang telah dibentuk.

**Jadual 2:** Model domain dan pemilihan bahasa

<b>Domain</b>	<b>Peserta</b>	<b>Tempat</b>	<b>Topik</b>
Keluarga	Ibu bapa	Rumah	Bagaimana menjadi anak yang baik.
Persahabatan	Kawan	Pantai	Bagaimana memainkan sesuatu permainan.
Agama	Paderi	Gereja	Bagaimana menjadi penganut yang baik.
Pendidikan	Guru	Sekolah	Bagaimana menyelesaikan masalah algebra.
Pekerjaan	Pekerja	Tempat kerja	Bagaimana melakukan kerja dengan lebih efisien.

Menurut Winford (2003), “*domain analysis has provided much insight into the general patterns of language choice in bilingual communities. The concepts provides a link between the micro-level organization of society, with its ‘socio-cultural norms and expectations’ and the micro-level organization of language use manifested in ‘individual behavior at the level of face-to-face verbal encounters.’*”

### **Teori Akomodasi**

Teori Akomodasi Pertuturan (*Speech Accomodation Theory*) diutarakan oleh Giles *et al.* (1973) bertujuan menerangkan motivasi-motivasi yang mendorong peralihan gaya pertuturan semasa interaksi sosial. Idea di sebalik teori ini dikemukakan ialah kerana pemilihan bahasa tidak mampu dijelaskan dengan tepatnya kalau hanya merujuk kepada faktor-faktor situasi (*situational factors*). Ia harus juga mengambil kira faktor hubungan *interpersonal* (Appel & Muysken, 1987).

Teori ini telah diaplikasikan oleh Coupland (1984) dalam kajiannya di Cardiff, Wales. Kajian ini menunjukkan bahawa informan beliau, iaitu Sue, yang bekerja di agensi pelancongan, cenderung menyesuaikan

percakapannya dengan sebutan pelanggannya. Semakin standard sebutan pelanggannya, maka semakin standard juga sebutan Sue.

Giles *et al.* (1973) menerangkan beberapa tujuan akomodasi pertuturan dilakukan oleh penutur, antaranya ialah untuk:

1. Membangkitkan pengiktirafan sosial (*social approval*);
2. Mengekalkan identiti sosial; dan,
3. Mendapatkan komunikasi yang efektif.

### METODOLOGI KAJIAN

Secara khusus, kajian ini merupakan kaedah kajian lapangan yang bertujuan mencungkil data-data mentah untuk dianalisis dan selanjutnya menjadi bahan bahasan dalam makalah ini.<sup>3</sup> Untuk mengumpulkan data, kaedah rakaman perbualan tak sedar telah dilakukan. Bentuk rakaman ini diamalkan untuk mengelakkan modifikasi pertuturan dilakukan oleh informan sekiranya mereka sedar perbualan mereka dirakam. Penulis mendekati informan-informan yang sedang berbual dan menghidupkan alat merakam untuk merakam perbualan mereka. Setelah selesai merakam, penulis bertanya tentang latar belakang informan, jenis variasi yang dituturkan sebagai bahasa ibunda dan variasi yang sedang digunakan untuk berbicara. Untuk mengelakkan kemelut etika, di akhir sesi rakaman, penulis akan memberitahu informan-informan bahawa perbualan mereka telah dirakam untuk kegunaan ilmiah. Jadual 3 menunjukkan tempat rakaman dilakukan.

**Jadual 3:** Kawasan rakaman perbualan

Kawasan	Titik Penelitian
Kota Samarahan	Desa Ilmu, Taman Samarindah, Universiti Malaysia Sarawak
Asajaya	Kampung Sampun Tabun
Kuching	Konti RTM, Pasar Minggu Satok

### Corak-corak Interaksi

Daripada rakaman-rakaman perbualan yang dikumpulkan, dapat dirumuskan terdapat tiga corak pemilihan variasi Iban oleh informan-informan, iaitu:

- (a) Corak 1: Penggunaan variasi Iban Standard (lisan).

Corak ini bermaksud dalam keseluruhan dialog perbualan tersebut, variasi Iban? Iban Standard (lisan) digunakan oleh pembicara-pembicara yang terdiri daripada penutur-penutur Iban yang berbeza latar belakang variasi Iban. Dalam erti kata lain, variasi Iban Standard digunakan sebagai medium komunikasi sesama mereka.

- (b) Corak 2: Menggunakan variasi masing-masing.

Corak ini bermaksud penutur-penutur yang berlatar belakang variasi Iban berbeza, masing-masing menggunakan variasi ibunda mereka untuk berinteraksi, contohnya penutur Iban Samarahan menggunakan variasi Samarahan, penutur Sibuan menggunakan variasi Sibuan.

- (c) Corak 3: Penyesuaian terhadap variasi.

Dalam corak ini, penutur-penutur akan melakukan akomodasi terhadap variasi yang digunakan oleh pihak lawan bicara. Penyesuaian pertuturan yang dilakukan lazimnya didorong oleh fungsi-fungsi (tujuan-tujuan) tertentu.

Makalah ini akan mengemukakan enam dialog, iaitu dua dialog untuk setiap kategori corak yang dibincangkan. Kesemua dialog dalam setiap kategori dinilai daripada aspek: (a) variasi yang terlibat dalam interaksi; (b) domain; dan (c) bentuk penggunaan bahasa.

- (a) ***Corak 1: Penggunaan variasi Iban Standard (Lisan)***

### *DIALOG 1*

#### Situasi Perbualan

Perbualan ini berlangsung di sebuah konti (bilik hebahan) di Stesen Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) cawangan Sarawak, Bahagian Penyiaran Bahasa Iban. Pembicara terdiri daripada seorang penyampai radio (DJ) senior dengan seorang penyampai radio junior.

## Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

Penutur A: Penutur Iban dari Kapit yang telah lama tinggal di Kuching.

Penutur B: Penutur Iban dari Betong.

(1) A: βυτεαἰ τυ? μ↔στι σ↔ντιασα βριN φπ  
butang ini mesti sentiasa bring up

Ναψ κ↔ δι? λυπα δεη κ↔να? δι? stand by  
tidak PRT KGN II lupa PART untuk KGNII stand by

(Butang ini mesti sentiasa ditarik ke atas, [saya] bimbang kamu terlupa, [saya menyebutnya] supaya kamu bersedia.)

(2) B: σιγἰ? νιψ υντυκ ID β↔ριτα δεη  
Satu mana untuk (pengenalan) berita PART

(Yang mana satu adalah ID berita?)

(3) A: ID β↔ριτα δι? γιγα? βα? δαλαμ PC τυ? αφα?  
ID berita KGN II cari di dalam PC ini sahaja

(ID berita kamu itu kamu mencari di dalam PC ini saja.)

(4) B: τι? βυτεαN τυ? βριN φπ ενδα? ον  
Kalau butang ini bring up tidak on

αιρ ψα καη  
air KGNIII PART

(Kalau butang ini dinaik ke atas, tidak on air ke?)

## Variasi Berbicara

### Variasi Iban Standard

#### Domain

Tempat Perbualan : Konti, iaitu bilik hebahan Siaran Radio Bahasa Iban, RTM.<sup>4</sup> Tempat ini merupakan satu tempat yang formal.

Peserta : Penutur A dan B baru sahaja berkenalan. Penutur B baru saja memulakan tugas di RTM.

### Perihal Penggunaan Variasi

Penutur A memulakan perbualan dalam variasi Iban Standard (contoh 1). Penutur B juga menyahut dalam variasi Iban Standard (contoh ke-2). Seterusnya, dari contoh ke-3 hingga ke-4, kesemua interaksi adalah dilangsungkan dalam variasi Iban Standard.

### Analisis

Dalam Dialog 1, penggunaan variasi Iban Standard sebagai medium interaksi amat berkait rapat dengan tempat dan peserta yang berbicara dan peserta. Latar belakang penutur A yang merupakan Iban dari Kapit (tetapi telah lama menetap dan bekerja di Kuching) dan penutur B yang berasal dari Betong membuktikan bahawa variasi Iban yang dipertuturkan oleh mereka adalah berbeza. Namun oleh kerana perbualan ini berlangsung di RTM, yakni satu tempat yang formal dan dalam keadaan memberi petunjuk kepada pelatih-pelatih Iban yang berbeza-beza variasi Iban, maka variasi Iban Standard dijadikan sebagai medium untuk berinteraksi. Penggunaan bahasa standard dalam hebahan memang mempunyai kes untuk dirujuk. Kajian Chong (2005) di sebuah studio radio (Radio Dermaga Sekadau, Kalimantan Barat), menunjukkan bahawa Bahasa Indonesia Baku digunakan semasa membuat hebahan radio (oleh juruhebah yang berbangsa Cina).

### *DIALOG 2*

#### Situasi Perbualan

Dua orang rakan sedang berborak-borak ketika berjumpa di Asajaya, pekan utama di kawasan Samarahan. Memandangkan mereka telah lama tidak berjumpa, maka perbualan mereka berkisar tentang perkembangan diri masing-masing sejak kebelakangan ini.

#### Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

Penutur A: Penutur Iban dari Kuching.  
Penutur B: Penutur Iban dari Samarahan.



- (5) A: ναμα βε→ριτα καβαν λαμα? μαψ  
 apa khabar kawan lama betul  
 ενδα μεδα? νυαν  
 tidak tengok KGNII  
 (*Kawan, apa khabar? Lama tidak berjumpa.*)
- (6) B: σ↔μαμπαψ μανεαη βε→νυN βισι? προφεκ διατυ?  
 Sentiasa baik sedang ada projek sekarang  
 (*Baik selalu, sekarang [saya] ada projek.*)
- (7) A: απυη ναμα προφεκ νυαν  
 K.SERU apa projek KGNII  
 (*Projek apa yang sedang kamu buat?*)
- (8) B: ναδαψ φακυ? τυνδι? αφα? μαβυση bisi? μεη τυ?  
 tidak kata gurauan sahaja IMB+sabung ayam ada PART ini  
 (*Tidak adalah, bergurau sahaja. Bersabung ayam sekarang.*)
- (9) A: αγι? N↔ρ↔φα π↔Nαωα? )α? καβαν τυ?  
 masih IMB+buat kerja itu kawan ini  
 διατυ? νεη κατιψ βισι? μ↔νεαN  
 sekarang PART macamana ada menang  
 (*Kamu masih juga melakukan kegiatan itu sekarang, macamana? Ada menang?*)
- (10) B: βακα/α? μεη βισι αρι μΨνεαK βισι αρι  
 macam itu PART ada hari menang ada hari  
 γα αλαη σιγι? μαι<sup>ε</sup>ν ρινδυ? ατιψ  
 juga kalah memang main suka hati  
 (*Macam itulah, sesekali menang, sesekali kalah. Bersabung untuk hiburan sahaja.*)

### Variasi Berbicara

#### Variasi Iban Standard

### Domain

Tempat Perbualan : Pekan Asajaya; merupakan sebuah lokasi yang tidak formal.

Peserta : Kedua-dua penutur merupakan sahabat.

### Perihal Penggunaan Variasi

Penutur A memulakan perbualan dalam variasi Iban Standard (contoh ke-5). Penutur B juga menyahut dalam bahasa Iban Standard dan begitu juga seterusnya; lihat contoh ke-6 hingga contoh ke-10.

### Analisis

Penutur A yang berasal dari Kuching dikenal pasti tidak tahu berbahasa variasi Samarahan. Maka dia menggunakan variasi Iban Standard dengan penutur B. Penutur B (yang berasal dari Samarahan) turut berbahasa Iban Standard dengan rakannya, iaitu penutur A yang mengunjungi daerahnya. Dialog ini menunjukkan variasi Iban Standard merupakan *lingua franca* dan dikuasai oleh hampir semua orang Iban di Sarawak untuk berkomunikasi, terutama dengan penutur yang berlainan variasi Iban. Maksudnya, dalam keadaan salah seorang penutur tidak fasih variasi pihak lawan bicara, variasi Iban Standard akan digunakan. Dalam dialog ini, didapati bahawa domain tempat dan keakraban peserta–pembicara tidak mempengaruhi pemilihan sesuatu variasi, sebaliknya didorong oleh status variasi Iban Standard sebagai *lingua franca*.

### **(b) Corak 2: Penggunaan Variasi Masing-Masing**

#### *DIALOG 3*

### Situasi Perbualan

Perbualan ini berlangsung di sebuah rumah di Taman Perumahan Samar Indah, Kota Samarahan. Kisahnya berkenaan dengan cermin mata penutur A yang patah akibat dipijak oleh anaknya yang nakal.

Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

- Penutur A : Penutur Iban dari Betong.  
 Penutur B : Penutur Bidayuh dari Padawan.  
 Penutur C : Penutur Iban dari Samarahan.

- (11) A: χ<→ρμι<sup>ε</sup>v      ματα ακωω τυ?      /αω  
 cermin      mata      KGN1      ini      PART  
 υδεαη πατεαη <→νδα? υλιεη δικενα? αγι?  
 Sudah patah tidak dapat PS+pakai lagi  
 (Cermin mata saya telah patah dan tidak boleh dipakai lagi.)
- (12) B: σαπα κ<→ ματεαη σαμπαψ φαδιψ βακατω? απυη  
 siapa yang IMB+patah sehingga jadi macam ini K. Seru  
 (Siapa yang mematahkannya sampai jadi begini?)
- (13) C: /α? βαλα σιδα? τυ? κ<→ Ni/εak ya  
 itu seluruh KGNIII ini yang IMB+pijak KGNIII  
 (Itu, mereka yang memijak.)
- (14) A: γαμολ /αυ μ<→σαψ νομα μινδιεκ  
 badan PART IMB+besar apa IMB+pijak  
 utay κατιψ <→νδα? πατεαη  
 benda macamana tidak patah  
 (Badan yang besar memijak barang, tentulah akan patah.)
- (15) B: τυ? τυ? κυα? κ<→ Ni/εakψα νι <→νδα? πατεαη  
 ini ini KGNII yang IMB+pijakkkan mana tidak patah  
 (Ini, dialah yang mematahkan. [sambil memegang anaknya yang kecil dan bercakap dengan anaknya]. Kamu yang memijak, kan? Patutlah patah.)
- (16) A: ψα /α? μεη Νινδιεκ /α? υκαψ  
 KGNIII itu PART pijak itu βουαν  
 νοαν <→νδα? ν<→μυ πεΝαωα? ψα β<→λανδα?  
 KGNII tidak tahu kerja KGNIII IMB+lari  
 κιεν κια? <→νδα? ν<→μυ γαμολ κ<→β<→σαψ  
 sini sana tidak tahu badan yang besar  
 (Dia inilah yang pijak. Macamlah kamu tidak tahu dia ini asyik berlari ke sana ke sini, tak sedar badan dia besar.)
- (17) C: δι ηρμιαη διεν βακα/α? μαη ψα β<→λ.αωα? κιεν κια? νδα?  
 di rumah sana macam itu PART KGNIII IMB+lari sini sini NEG  
 ν<→μυ φ<→νυη  
 IMB+tahu diam  
 (Di rumah sana, beginilah dia, asyik berlari ke sana ke sini, tidak tahu duduk diam.)

## Variasi Berbicara

Dialog ini memaparkan variasi Iban Samarahan dan Betong digunakan oleh penutur A, B dan C. Penutur B berbangsa Bidayuh di Padawan tetapi fasih variasi Iban Samarahan kerana berkahwin dengan Iban Samarahan (Kampung Sampun Tabun).

## Domain

Perbualan ini bertempat di sebuah rumah kediaman. Kesemua mereka saling mengenali antara satu sama lain dan berhubungan sangat rapat. Penutur B dan C merupakan suami–isteri manakala penutur A ialah ipar mereka yang berasal dari Betong dan mereka tinggal sebumbung.

## Perihal Penggunaan Variasi

Perbualan ini dimulakan dengan variasi Betong, iaitu oleh penutur A yang mengadu tentang cermin matanya telah patah akibat dipijak oleh anaknya. Akan tetapi, ia disahut oleh penutur B dan C dengan menggunakan variasi Iban Samarahan. Di sepanjang perbualan tersebut, kelihatan penutur A menggunakan variasi Iban Betong manakala B dan C menggunakan variasi Iban Samarahan.

## Analisis

Dalam dialog ini, dua jenis variasi Iban terlibat sekali gus dalam satu dialog perbualan, iaitu variasi Betong dan variasi Samarahan dan variasi yang digunakan bukan wujud dalam bentuk pertukaran kod ataupun pencampuran kod dan sebagainya, tetapi sebaliknya adalah setiap pembicara yang terlibat menggunakan variasi Iban masing-masing dalam berbicara. Didapati bahawa penutur A yang berasal dari Betong menggunakan variasi Betong, contoh-contoh kewujudan kata-kata seperti [ŋindiek] ‘memijak’ dan [b↔landa?] ‘berlari’ (contoh 14 dan 16) dan sedangkan dalam variasi Samarahan, kata-kata tersebut adalah [Ni/εak], dan [b↔lawə?] (contoh ke-13, 15, 17).

Sementara itu, penutur B adalah berbangsa Bidayuh yang berasal dari Padawan. Beliau fasih variasi Iban Samarahan kerana telah lama berkahwin ke Samarahan (dengan Penutur C). Sebagai variasi dominan di Sarawak,<sup>5</sup>

akibat pengaruh persekitaran, iaitu menjalani kehidupan selepas berkahwin dalam lingkungan orang yang berbahasa variasi Samarahan, penutur B (yang berbahasa Ibunda bahasa Bidayuhik<sup>6</sup>) mampu menguasai variasi Iban Samarahan. Kes yang seumpama dilaporkan dalam Nor Hisham (1994) di Kuala Kangsar, iaitu terdapat sebuah keluarga yang si suami berketurunan Jawa. Setelah mengahwini wanita di Kuala Kangsar dan menetap di tempat berkenaan, suami tersebut menjadi fasih berbahasa subdialek Kuala Kangsar kerana kedominanan subdialek di kawasan tersebut. Dalam dialog ini, penutur B yang berbangsa Bidayuh adalah diobservasikan menggunakan variasi Samarahan sebagai bahasa interaksi utama dalam domain keluarga mahupun dengan jiran-jirannya.

#### DIALOG 4

##### Situasi Perbualan

Perbualan ini berkenaan dengan perubahan-perubahan yang terjadi pada Kampung Sampun Tabun, Samarahan kerana penutur A dan C telah lama tidak mengunjungi kampung berkenaan.

##### Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

- Penutur A : Penutur Iban dari Saratok.  
 Penutur B : Penutur Iban dari Samarahan.  
 Penutur C : Penutur Iban dari Saratok.

- (18) A:     /αω   λαμα?   ↔νδο?   κ↔   μ↔νοα   κίτο?  
           sudah   lama   tidak   ke   kawasan   KGNII  
           τυ?   /αω   λαί<sup>v</sup>   γαψα   ↔νδυρ τυ?   udah  
           ini   sudah   lain   rupa   tempat ini   sudah

*(Saya dah lama tak datang ke kampung ini dan kampung ini sudah lain kalau berbanding dengan dulu.)*

- (19) B:     υδεαη   καλα?   κίτυ?   νυαν  
           sudah   pernah   ke+sini   KGNII

*(Kamu pernah datang ke sini?)*

- (20) A:     βιτσι   ταN   /αω   κ↔   υδεαη   λιμα?   β↔λασ ταυν  
           ada   tetapi   PART   PART   sudah   lima   belas tahun

ʃo?	ʃaθ	φαουη	vδap	β↔ρυβαη	π↔δο?	ku
Itu	PART	jauh	betul	berubah	lihat	KGINI

(Pernah, 15 tahun yang lalu, saya tengok dah banyak perubahan sekarang.)

(21) C:

βo?	ψa	φαλαι	ʃaθ	β↔σαψ↔vτι?	συβο?	vi	βισι?
itu	PART	jalan	sudah	besar	kalah	dahulu	mana

φαλαι	β↔σαψβακο	κε	Νιμβασ	σ↔κυλο	ʃo?	ve?
jalan	besar	seperti	yang I	MB+hampir	sekolah	itu
					PART	

(Itulah, jalan raya pun semakin besar, dulu mana ada jalan yang besar berdekatan dengan sekolah itu kan?)

(22) B:

av?	βapv	τεμβυ?	πυ <sup>6</sup> v	ταυ <sup>6</sup> v	ʃi <sup>6</sup> v	κ↔μαρε?	μηη	ʃa?
ya	baru	siap	awal	tahun	itu	semalam	PART	itu

(Ya, jalan itu baru saja disiapkan pada awal tahun lepas.)

### Variasi Berbicara

Variasi yang terlibat dalam perbualan ialah variasi Iban Saratok dan variasi Iban Standard.

### Domain

Perbualan ini berlangsung di dalam sebuah rumah. Penutur B dan C berasal dari Saratok dan baru saja berkenalan dengan penutur A (dari Samarahan).

### Perihal Penggunaan Variasi

Dalam dialog ini, penutur B yang berasal dari Saratok memulakan perbualan dengan menggunakan variasi Iban Saratok. Sementara itu, penutur A (Iban Samarahan) menjawab dengan variasi Iban Standard. Corak penggunaan bahasa seumpama ini diteruskan hingga ke akhir perbualan.

### Analisis

Dalam Dialog 4, penutur dari Saratok yang mengunjungi rumah penutur Samarahan di Kampung Sampun Tabun mengekalkan variasi mereka apabila bertutur dengan penutur Samarahan. Dalam penyebutan beliau, terdapat banyak alofon [o] pada akhir kata. Contohnya, [s:kulo] ([s:kula] ‘sekolah’), [bako] ([baka] ‘seperti’), [subo?] ([suba?] ‘dahulu’), [ʃo?] ([ʃa?] ‘itu’) dan sebagainya. Memandangkan dalam kes ini penutur dari Saratok tidak

tahu variasi Samarahan, maka penutur Samarahan menggunakan variasi Iban Standard (iaitu *lingua franca*) untuk berbicara dengannya supaya komunikasi tersebut menjadi efektif.

(c) **Corak 3: Penyesuaian Variasi**

*DIALOG 5*

Situasi Perbualan

Perbualan ini melibatkan dua orang wanita berusia 50-an di sebuah majlis perkahwinan di Samarahan. Perbualan berkisar tentang keluarga dan anak-anak mereka masing-masing.

Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

Penutur A : Penutur Iban dari Sri Aman.

Penutur B : Penutur Iban dari Samarahan.

(23) A:           ανεακ βυνσυ νυαν τυ?  
anak bongsu KGNII ini

(*Anak kamu ini yang bongsupakah?*)

(24) B:           αυ? ψα μεη ]α?  
ya KGNIII PART itu

(*Ya, itulah dia.*)

(25) A:           ]αω β↔σαψ μαγεαN βαλα νυαν τυ? υδεαη νεη  
PART besar semua seluruh KGNII itu sudah PART

(*Semua anak-anak kamu sudah dewasa sekarang.*)

(26) B:           αυ? υδεαη β↔σαψ σμυα μεη ψα  
ya sudah besar semua PART KGNIII  
τυ? βαηυ αβιεη σ:κυλα  
ini baru habis sekolah

(*Ya, dah dewasa semuanya. Dia ini baru tamat sekolah.*)

(27) A:           υδεαη αβιεσ σ:κυλ ψα σαNκα?  
sudah tamat sekolah KGNIII sangka

ακυ αηι? σ:κυλα σεκ↔ν↔ρι  
KGNII masih sekolah menengah

(*Dia dah tamat sekolah? Saya ingatkan dia masih belajar di sekolah menengah.*)

- (28) B: αδασ βαςη αβιεη λιμα? ταςυν /υν ταςδι? κενυ? κα?  
tidak baru habis lima? tahun itu tadi kata nak  
  
/αμβυοN tadi bahu νι βαςλα κυα? υδαση lagi β↔σαι μαγεαN  
IMB+sambung baru mana seluruh KGNII sudah lagi besar semua

(Tak, dia baru habis Tingkatan 5 tahun lepas. Dia kata nak sambung belajar lagi.  
Macamana dengan anak kamu? Mereka dah dewasa semua?)

- (29) A: υδαση γαςα? μαγεαN/α? μεη καμι δυαυ απυ /αυ  
Sudah kerja semua itu PART KGNII berdua bapa PART  
  
κ↔διδι? διδι? δαςω βας? ρυμεαη  
sendiri diri tinggal di rumah

(Sudah bekerja semuanya, sebab itulah saya dan suami sahaja yang berada di rumah.)

- (30) B: φαςη μαγεαη βαςλα κυα? βηαπα ικο?  
jauh semua seluruh KGNII berapa orang

(Semua anak kamu berjauhan dengan rumah? Berapa orang kesemuanya?)

- (31) A: ↔Nγα? κ↔ ταςγας ικο? αφας? φαςη μαγεαN  
cuma PART tiga orang sahaja jauh semua  
  
ναςδασ Nυαςν μ↔νυα  
tidak tinggal kampung

(Semua berjauhan. Tiada yang tinggal di kampung.)

## Variasi Berbicara

Variasi Iban Samarahan dan variasi Iban Sri Aman.

### Domain

Kedua-dua penutur baru sahaja mengenali sesama mereka. Tempat perbualan ialah di majlis perkahwinan di Kampung Sampun Tabun.

### Perihal Penggunaan Variasi

Kelihatan penutur A yang berasal dari Sri Aman menggunakan variasi Sri Aman manakala penutur B pula menggunakan variasi Samarahan ketika bertutur. Namun demikian, terdapat percubaan penutur B untuk melakukan pertukaran kod, tetapi tidak berjaya. Akhirnya, perbualan mereka diteruskan dengan menggunakan variasi masing-masing.



## Analisis

Pada kebiasaannya, seseorang melakukan pertukaran kod kerana kurang kompeten terhadap sesuatu bahasa. Contohnya, kajian Auer (2000) menunjukkan seorang pemuda Itali yang kurang kompeten terhadap bahasa Itali, menukarkan kod bahasanya ke bahasa Jerman semasa bercerita kerana dia lebih fasih berbahasa Jerman. Namun demikian, kes ini berkontras dengan Dialog 5 yang mana pertukaran kod mampu menunjukkan kompetensi seseorang penutur terhadap sesuatu variasi lain. Dalam erti kata lain, pertukaran kod fungsi rujukan (*referential*), seperti yang dinyatakan oleh Appel dan Muysken (1987), iaitu pertukaran kod terjadi, “...*because it often involves lack of knowledge of one language or lack of facility in that language on a certain subject.*”

Dalam dialog ini, pada mulanya kedua-dua penutur masing-masing menggunakan variasi mereka untuk berbual. Pada contoh ke-26, kelihatan penutur B (Iban Samarahan) cuba menggunakan kod variasi Sri Aman (buktinya ialah dia menyebut *sekolah* sebagai [s:kula] sedangkan dalam variasinya, iaitu variasi Samarahan ialah [s:kul]. Di contoh ke-27, penutur A (Iban Sri Aman) dikenal pasti cuba menggunakan kod Iban Samarahan (dengan menyebutkan *sekolah* sebagai [s:kul] daripada menyebut [s:kula], seperti dalam variasi Sri Aman). Jelas dalam kedua-dua contoh ini, kedua-dua penutur cuba menyesuaikan kepada variasi Iban pihak lawan bicara dengan menukar ke kod asing dalam perbualan mereka. Dari contoh ke-28 hingga ke-31, dikesani baik pertukaran kod mahupun penyesuaian kod tidak berlaku lagi. Dalam kes ini, gejala pertukaran kod yang dilakukan oleh penutur A dan B bukan bermaksud mereka kurang kompeten terhadap variasi pihak lawan bicara. Ia sebaliknya membuktikan mereka sama-sama menguasai variasi lawan bicara. Hal ini boleh dikesan dalam contoh ke-28 hingga ke-31, iaitu mereka menggunakan variasi sewaktu berbicara sesama mereka.

## DIALOG 6

### Situasi Perbualan

Penutur A sedang menyalahkan anaknya, iaitu penutur B yang tidak menghantarkan barang kepada saudaranya yang sudah mahu beredar dari rumah mereka.

### Latar Belakang Variasi Iban Pembicara

Penutur A : Penutur Iban dari Betong (berkahwin dengan Iban Samarahan).

Penutur B : Anak kepada penutur A.

Penutur C : Penutur Iban dari Samarahan (sebagai watak *tuan*).

- (32) A: ναμο νυαν ↔νδα? Να.νφου↔N τυ? τυαν ψα δεση  
apa KGNII tidak IMB+hantar ini TUAN KGNIII sudah  
κα? πλ.αψ /ο? αραμ βερι? κ↔ ψα νεη  
mahu pulang itu mari beri kepada KGNIII PART

(Kenapa kamu tak menghantar barang ini kepada tuan? Dia dah nak balik. Cepat, beri kepada dia.)

- (33) B: υκαψ τυαν ↔μπυ τυ? αδε? ↔μπυ τυ? ↔ντι?  
bukan TUAN punya ini ADEK punya ini kalau  
κυα? αδαψ π↔χαψα? τα/α? γαψ τυαν ↔μπυ γα?  
KGNII tidak percaya tanya kepada TUAN punya PART

(Ini bukan kepunyaan tuan, ini adalah kepunyaan Adek. Kalau kamu tak percaya, tanya tuanlah.)

- (34) A: αμαψ τυαν υκαψ κυα? ↔μπυ τυ?  
betul TUAN bukan KGNII punya ini

(Betulkah tuan? Ini bukan kepunyaan kamu?)

- (35) C: υκαψ αδεκ ↔μπυ /α?  
bukan ADEK punya itu

(Bukan, itu kepunyaan Adek.)

- (36) A: σαNκα? κυ νυαν ↔μπυ ψα ταδι? Ναψ κ↔  
sangka KGNII KGNII punya KGNIII tadi tidak PART

ωαν τυ? βολα? κ↔ ακυ  
WAN ini tipu kepada KGNI

(Saya ingatkan kamu punya. Takut Wan tu menipu saya.)

(37) B: υηεαΝ μαδεαη αδαψ π↔χαψα? κυμβαψ ψα βολα?  
orang IMB+bagitau tidak percaya panggil KGNI tipu

(Saya beritahu tapi kamu tidak percaya, siap kata saya menipu lagi.)

(38) C: νυαν γα? αμαψ αΝκατ πυν μαλασ νι ακυ νδο? μαδεαη  
KGNI juga betul bangun PART malas mana KGNI tidak IMB+beritahu  
δι? βολο? υκαψ καλα νιΝα φακο υρεαΝ νυαν /α?  
KGNI tipu bukan pernah IMB+dengar cakap orang KGNI itu

(Kamu ni tahu sajalah, berdiri pun malas. Mana tak saya kata kamu menipu, tak pernah nak dengar cakap orang.)

### Variasi yang Terlibat

Variasi Iban Betong dan variasi Iban Samarahan.

### Domain

Perbualan ini berlaku di sebuah rumah di Kota Samarahan. Peserta pembicara terdiri daripada seorang ibu, anak dan saudara mereka yang bertandang ke rumah tersebut.

### Perihal Penggunaan Variasi

Penutur A menggunakan variasi Iban Betong dengan anaknya, sebaliknya anaknya menyahut dengan variasi Samarahan.

### Analisis

Alofon [o] yang wujud pada kata [namo] ‘kenapa’ ([nama] dalam variasi Iban Standard) di permulaan dialog ini (contoh ke-32) mencerminkan penutur A menggunakan variasi Iban Betong dengan anaknya. Anaknya, iaitu penutur B sebaliknya menyahut dengan variasi Samarahan; lihat penggunaan [kua?] ‘kamu’ dan [aday] ‘tidak’ dalam contoh ke-33 dan ke-37. Dalam kes ini, kesan pengaruh daripada anaknya yang menggunakan variasi Samarahan (contoh ke-33), penutur A juga melakukan akomodasi

pertuturan, iaitu menggunakan kata ganti nama [kua?] dalam variasi Iban Betong yang diucapkannya (contoh ke-34). Contoh dialog ini menunjukkan bahawa keberadaan seseorang penutur luar di sesuatu kawasan baharu sedikit sebanyak akan menyebabkan dia berpengetahuan terhadap bahasa setempat. Sehubungan dengan itu, elemen-elemen persilihan bahasa seperti pertukaran kod dan akomodasi pertuturan akan dijumpai dalam pertuturannya. Sekiranya ditinjau secara keseluruhan, pemilihan bahasa seperti dialog ini memaparkan dua kategori pengguna bahasa yang berlainan, iaitu golongan migran yang fasih berbahasa ibunda mereka dan generasi muda yang telah berasimilasi dengan bahasa di persekitaran baharu mereka. Kesan “tuntutan” sosial, generasi migran tersebut adalah didorong untuk menyesuaikan kepada bahasa lokal.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, makalah ini telah berjaya mengenal pasti tiga corak interaksi yang wujud dalam komuniti Iban yang bervariasi majmuk. Corak 1 melibatkan penggunaan variasi Iban Standard dalam komunikasi, terutama dalam domain formal. Peranan Bahasa Iban Standard sebagai *lingua franca* di Sarawak menjadikannya sejenis variasi yang sering dipilih sebagai medium wacana. Corak 2 menunjukkan penutur-penutur yang berlainan variasi menggunakan variasi mereka masing-masing untuk berbicara. Corak ini melibatkan pembicara-pembicara yang saling mengenali, tetapi berlatar belakangkan variasi Iban yang berbeza. Oleh kerana variasi-variasi Iban agak homogen,<sup>7</sup> maka wujud kadar saling-faham yang tinggi antara variasi-variasi tersebut dan ramai orang Iban didapati berkemampuan terhadap variasi Iban lain. Corak 3 menyaksikan penutur-penutur (yang menuturkan pelbagai variasi) menyesuaikan bahasa terhadap variasi lawan bicara. Penyesuaian ini lazimnya dilakukan kerana terdapat tanggapan bahawa lawan bicara kurang kompeten terhadap variasi pembicara. Namun demikian, kajian ini mempunyai hasil dapatan yang sebaliknya, iaitu akomodasi dilakukan kerana kedua-dua pembicara menguasai variasi lawan bicara masing-masing. Semasa berbicara, mereka menggunakan suatu variasi secara bebas dan bersilih ganti. Kajian ini juga mendapati seseorang penutur akan melakukan penyesuaian terhadap variasi setempat, iaitu variasi yang lazim dituturkan dalam lingkungan dia berada.

Ketiga-tiga corak yang terhasil ini menunjukkan walaupun variasi-variasi Iban wujud perbezaan, namun sifatnya agak homogen dan ini sejajar dengan hujah yang diutarakan oleh Cullip (2000). Oleh kerana sifatnya yang homogen, penutur-penutur Iban berupaya menguasai atau memahami variasi Iban lain dan ini secara langsung membolehkan sesuatu komunikasi dua hala berlaku dengan lancar. Faktor inilah yang menyebabkan bahasa Iban tampil sebagai bahasa *lingua franca* utama, selain dialek Melayu Sarawak di Sarawak.

#### NOTA

<sup>1</sup>Dalam mengkategorikan bahasa-bahasa Austronesia yang kompleks di Sarawak, Hudson (1970) memperkenalkan istilah Melayik untuk dialek-dialek yang dituturkan oleh suku Melayu yang beragama Islam manakala istilah Dayak Melayik untuk dialek-dialek yang berhubungan linguistik dekat dengan dialek Melayu tetapi dituturkan oleh penutur yang bukan beragama Islam. Dalam erti kata lain, istilah Melayik merangkumi bahasa-bahasa yang diperturunkan dari Proto-Melayik, misalnya bahasa Melayu, bahasa Iban, bahasa Selako, bahasa Minangkabau dan sebagainya.

<sup>2</sup>Variasi Iban Standard adalah sejenis variasi Iban yang “diciptakan” hasil perancangan bahasa Iban. Pada tahun 1995, Dayak Cultural Foundation telah menerbitkan sebuah buku *Atur Sepil Jaku Iban* yang menjadi panduan tatabahasa dan ejaan untuk bahasa Iban yang dibakukan (Janang, 2005). Variasi Iban baku ini digunakan dalam domain formal seperti media massa (surat khabar, majalah dan siaran radio-rancangan berbahasa Iban di RTM cawangan Sarawak), pengajaran mata pelajaran bahasa Iban di sekolah-sekolah dan majlis-majlis formal. Keunikan variasi Iban Standard ialah bahasa telah dirumikan berdasarkan sebutan variasi Iban yang umum digunakan oleh komuniti Iban.

<sup>3</sup>Data dalam kajian ini dikumpulkan dengan bantuan dana dari Projek Southeast Asia Studies Regional Exchange Program (SEASREP) yang berjudul “Language Dispersal: Diversification and Koineization” dan Projek Klasifikasi Bahasa Melanau di Sarawak, tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

<sup>4</sup>Di Bahagian Perkhidmatan Bahasa Iban RTM, setiap hari, terdapat lapan jam siaran Bahasa Iban (Standard) yang ke udara (Janang, 2005).

<sup>5</sup>Lihat Azlan Mis (2010).

<sup>6</sup>Rumpun Ibanik dan Bidayuhik adalah dua rumpun bahasa yang berlainan dan tidak saling memahami. Rujukan tentang Bahasa Bidayuhik boleh ditinjau dalam Collins & Chong (2008).

<sup>7</sup>Menurut Cullip (2000), “*Iban is popularly and linguistically regarded as largely homogenous.*” Berkenaan isu ini, Ray (1913) mengatakan, “*there is no more difference between a Sekarang and a Saribas Dayak than there is between a Somerset and Devon man. Linguistically, there is none between the Sekarangs,*

*Lemanaks, Saribas and Batang Ai. The Ulu Ai (the same as the Katibas) have the same language with a harsher pronunciation. The Enkaris differ only in respect to the letter 'r' which they cannot pronounce, and for which they substitute an 'h', as bahoh for baroh. In the languages of the Undups, Seboyaus and Balohs, there are slight dialectic differences."*

## RUJUKAN

- Appel, R. dan Muysken, P. 1987. *Language contact and bilingualism*. London: Edward Arnold.
- Auer, Peter. 2000. A conversation analytic approach to code-switching and transfer. Dalam Li Wei (pnyt.), *The Bilingual Reader*, hlm.166–187. London: Routledge.
- Chong Shin. 2005. Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Cina di pekan Sekadau, Pulau Borneo. Disertasi Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. dan Chong Shin. 2008. Tinjauan varian Bidayuhik di Lembah Sekadau. Dalam Chong Shin (pnyt.), *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat*, hlm. 42–60. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coupland, N. 1984. Accomodation at work: Some phonological data and their implications. *International Journal of Sociology and Language* 46:49–70.
- Cullip, Peter. 2000. Language use and attitudes of the Remun of Sarawak. *The Sarawak Museum Journal* Vol. LV (No.76, New Series): 1–44.
- Fishman, J.A. dan Greenfield, L. 1970. Situational measures of normative language views in relation to person, place and topic among Puerto Rican bilinguals. *Anthropes* 65: 602–618.
- Giles, H., Taylor, D. M., dan Bourhis, R. Y. 1973. Towards a theory of interpersonal accommodation through language: Some Canadian data. *Language in Society* 2:177–192.
- Hudson, A. B. 1970. A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak languages in western Borneo. *The Sarawak Museum Journal* 18(36–37): 301–318.
- Janang Ensering. 2005. Bup Jako Iban: A monolingual dictionary for the future. Dalam Collins, James T. dan Hermansyah (pnyt.), *The languages and literatures of Western Borneo: 144 years of Research*, hlm. 190–202. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Lam Chee Kheung. 2006. The Iban population of Sarawak: 1947–2000. *Working Paper Series* No.13. Samarahan: Institute of East Asian Studies, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohamad Azlan Mis. 2010. Pilihan bahasa dan lingua franca suku kaum di Sarawak. *Jurnal Bahasa*. 10(1): 1–16.

- Nor Hisham. 1994. *Kajian pemilihan bahasa di kawasan perumahan Ulu Dedap, Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ray, J. J. 1913. The language of Borneo. *The Sarawak Museum Journal* 1(4): 1–196.
- Remmy Anak Gedat. 2011. *Kepelbagaian variasi Iban dan corak pemilihannya dalam interaksi: Kajian kes di bahagian Barat Sarawak*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Winford, D. 2003. *An Introduction to contact linguistics*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.